


# Penghayatan Ilmu Linguistik melalui Pemetaan Dialek Melayu Sealam Melayu



James T. Collins



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**Penghayatan Ilmu Linguistik  
melalui Pemetaan Dialek Melayu  
Sealam Melayu**



## Siri Syarahan Umum Bangi (Bangi Public Lecture Series)

---

*Siri Syarahan Umum Bangi* dibentangkan oleh para sarjana besar dan ternama dari dalam dan luar UKM dalam pelbagai bidang ilmu. Syarahan dalam siri ini bertujuan mengungkapkan pemikiran pasca profesor atau pasca syarahan perdana UKM yang juga merupakan perenungan kembali pemikiran masing-masing terhadap tujahan bidang ilmu. Pokok pembentangan seharusnya mempunyai *public interest* dari segi pemikiran yang semestinya juga cuba memberi perspektif baru dan ufuk baru kepada jalur pemikiran sarjana tersebut selama ini. Syarahan yang dibentangkan tidak semestinya terikat dengan tujahan penyelidikan asal seseorang sarjana, sebaliknya boleh berupa pengembangan kepada bidang penyelidikan mereka yang terdahulu. Selain itu, syarahan ini hendaklah pemikiran asli sama ada dalam bentuk gagasan, kupasan yang kritis, pangkungan teori atau pembentangan falsafah.

Syed Hussein Alatas. 2000. *Cita Sempurna Warisan Sejarah*. ISBN 967-942-495-2

Francis C. Yeh. 2000. *Forest Genetics into the Next Millennium*. ISBN 967-942-501-0

Lee Poh Ping. 2005. *Facing the Dragon: Japan and ASEAN, and the Rise of China*. ISBN 967-942-700-5

Clive S. Kessler. 2005. *Studying Economy and Society: A 'Third Way' in Malaysia?* ISBN 967-942-738-2

James T. Collins. 2007. *Penghayatan Ilmu Linguistik Melalui Pemetaan Dialek Melayu Sealam Melayu*. ISBN 978-967-942-831-5

# Penghayatan Ilmu Linguistik melalui Pemetaan Dialek Melayu Sealam Melayu

**James T. Collins**



*Dipersembahkan sebagai Syarahan Umum Bangi  
Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 7 September 2007  
Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia*



PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2007

<http://www.penerbit.ukm.my>

PUSTAKA PERDANA



1007400



Cetakan Pertama / *First Printing*, 2007  
 Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*  
 PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
 43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia  
<http://www.penerbit.ukm.my>

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*  
 PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /  
 MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION  
 No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*  
 RTS TYPESETTING AND TRADING  
 No. 12, Jalan Seri Sarawak 20,  
 Taman Sri Andalas, 41200 Klang,  
 Selangor D.E., MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*  
 PUSAT PENERBITAN & PERCETAKAN  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600, Bangi Selangor D.E,  
 MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
*Cataloguing-in-Publication Data*

Collins, James T.

Penghayatan ilmu linguistik melalui pemetaan dialek melayu sealam Melayu / James T. Collins.

1. Malay language--Dialects. 2. Linguistics. 3. Language and languages. I. Judul.  
 499.237

ISBN 978-967-942-831-5

499.237  
 COL

# Abstrak

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaannya lima puluh tahun lalu, penyelidikan linguistik Malaysia telah mencatat banyak kemajuan. Sistem kolonial tidak mewarisi tradisi penyelidikan linguistik yang bererti tentang bahasa-bahasa di Malaysia. Tetapi, sejak merdeka, warga Malaysia sendiri, walau terpaksa mulai daripada korpus penelitian yang sangat terbatas telah berjaya membina dan menghasilkan struktur pengetahuan linguistik yang kompleks tentang Malaysia dan bahasanya—suatu sumber ilmu yang dapat dirujuk dan dihayati. Masih terdapat beberapa jurang dalam pengetahuan kita, tetapi jurang-jurang itu dapat diisi kelak kerana Malaysia sudah memberikan sokongan yang kukuh kepada ilmu linguistik dan penyelidikan bahasa. Salah satu bidang penyelidikan linguistik yang beranjak pada permulaan yang teguh adalah pemetaan bahasa dan dialek di Malaysia dan di Alam Melayu. Prof. Dr. Asmah Haji Omar ialah ahli linguistik Malaysia pertama yang berusaha mendeskripsikan dialek Melayu dan menyusun peta awal tentang persebaran geografi dialek-dialek itu. Peta asasi ini yang dicetak tiga puluh tahun lalu dengan data dan analisis sokongannya, tetap berperanan sebagai sumber informasi utama tentang dialek Melayu di Malaysia. Walaupun kemudiannya pernah diterbitkan peta dialek lain tentang kawasan-kawasan tertentu di Malaysia, masih belum ada peta selain keupayaan Asmah yang bersifat komprehensif dan lengkap dengan analisis dan data tentang persebaran dialek Melayu di Malaysia. Maksudnya, kajian yang melanjutkan usaha perintis Asmah masih terbatas. Tambahan lagi, maklumat tentang dialek Melayu di rantau dan pelosok lain di Alam Melayu, malahan kalau ada pun kurang meyakinkan. Pakar kartografi dan ahli linguistik di Eropah, Amerika dan Australia terpaksa bersandar pada catatan dan prasangka abad yang kesembilan belas untuk menyusun peta-peta bahasa di Alam Melayu. Justeru kerana kekurangan maklumat tersebut, kepelbagaian dan ketersebaran dialek Melayu di Alam Melayu tidak digambarkan dengan tepat dalam teks dan atlas

yang piawai tentang Asia Tenggara dan wilayah Pasifik. Telah sampai waktunya untuk menyambut cabaran yang tersirat dalam sumbangan perintis Asmah. Melalui penyelidikan yang dijalankan terutamanya oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu (UKM), kini kita mengetahui lebih banyak tentang dialek Melayu di pelbagai kawasan Asia Tenggara. Sekarang kita harus menyatukan hasil kajian lapangan linguistik yang terperinci itu dengan teknologi moden, termasuk penggunaan peta yang diakses dari imej satelit serta pemanfaatan alat GPS (Global Positioning System). Selain itu, sepatutnya kajian lapangan tambahan dijalankan di wilayah-wilayah yang selama ini kurang diselidiki seperti Borneo, Maluku dan Papua. Walau bagaimanapun kemajuan dalam penghasilan peta pemaparan harus diimbangi dengan kemajuan dalam pemetaan tafsiran supaya peranan dan penyebaran bahasa Melayu di Asia Tenggara, bahkan kawasan yang lebih jauh pun dapat ditanggapi oleh komuniti sarjana global. Sikap yang negatif atau sekurang-kurangnya sikap tak peduli tentang bahasa Melayu yang agak luas terkesan di kalangan ahli linguistik Melayu-Polinesia pun hanya akan berubah kalau data yang meyakinkan ditafsirkan dan diedarkan untuk pembaca dunia sejagat.

